

**Batu pahat:** Usaha Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama German Cooperation Organization (GIZ) mengadakan Forum Perkhidmatan Asia Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (ATEF 2017) bakal menyediakan platform terbaik bagi melahirkan pekerja berkemahiran tinggi untuk menampung keperluan industri.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching berkata, forum itu selaras dengan usaha mentransformasikan pakar pengajar dan pakar industri (TVET) sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

“Pembangunan ekonomi merangkumi era globalisasi, ekonomi berasaskan pengetahuan, teknologi terkini dan pergerakan buruh global.

“Fokus perlu diberikan kepada mentransformasikan sistem penyampaian

# Forum pendidikan anjuran UTHM, GIZ

TVET dan meningkatkan daya tarikannya sebagai pilihan pendidikan.

“Proses transformasi TVET digerakkan industri yang memerlukan sumber manusia berkemahiran sekali gus menepati kehendak industri dan menyokong perpindahan semua sektor ekonomi ke arah pengetahuan lebih cekap selari dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan ATEF 2017 dan Kem Vokasional dan Kejuruteraan Asia (AVEC) di Dewan Sultan Ibrahim UTHM, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM Profesor Dr

Wahid Razzaly dan Pengarah Pejabat Antarabangsa merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa ATEF 2017 Prof Dr Noraini Kaprawi.

Dalam pada itu, sebanyak 18 memorandum dimeterai organisasi di antara universiti dalam dan luar negara seperti dari China, Amerika Syarikat, Jerman, Vietnam, Indonesia, Filipina, Thailand, Brunei, Hong Kong, China, Korea, Nepal, Myanmar serta Malaysia sempena ATEF 2017.

Sementara itu, UTHM memperuntukkan sebanyak RM50,000 sebagai dana bagi menyokong program ATEF 2017 termasuk membangunkan pangkalan data TVET Asia.